

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD

TARIKH : 25.7.2017

SOALAN : NO. 15

Dato' Haji Abdul Rahman Bin Mohamad [Lipis] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah Kementerian dalam merancang revolusi terhadap pendidikan tinggi negara agar lebih cemerlang seiring dengan pengenalan Industri 4.0 atau Revolusi Perindustrian Keempat, yang berlaku di peringkat global.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seiring dengan Revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0) Kementerian Pendidikan Tinggi mengambil langkah untuk melonjakkan sistem pendidikan tinggi dan menyediakan graduan yang berdaya saing dan kompeten dalam mendepani cabaran Industri 4.0 antaranya adalah:

- (a) Penawaran program berbentuk hibrid dengan menjumudkan program akademik yang tidak relevan;
- (b) Penawaran program akademik yang lebih fleksibel berkonsepkan *jukebox*;

- (c) Pelaksanaan transformasi kaedah penyampaian kurikulum program seperti pembelajaran teradun (*blended learning*), *Massive Open Online Course (MOOC)* dan pembelajaran terbantu robotik;
- (d) Pelaksanaan Purata Nilai Gred Kumulatif Bersepadu (*Integrated Cumulative Grade Point Average - iCGPA*) iaitu penilaian pelajar berdasarkan domain Pengetahuan; Kemahiran praktikal, Kemahiran dan tanggungjawab sosial; Nilai, sikap dan profesionalisme; Kemahiran komunikasi, kepimpinan dan kerja berpasukan; Kemahiran penyelesaian masalah dan kemahiran saintifik; Kemahiran pengurusan maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat; dan Kemahiran mengurus dan keusahawanan;
- (e) Pelaksanaan program akademik berbentuk 2u2i sebagai platform kepada pelajar yang menggabungkan teori dan praktikal di samping mereka didedahkan kepada teknologi terkini era Industri 4.0;
- (f) Pelaksanaan Program *CEO @ Faculty* di mana pelajar didedahkan dengan perkongsian pengalaman dan kemahiran kolaborasi antara akademia dan pihak industri, melalui syarahan dan slot interaksi dengan pelbagai tokoh syarikat berkaitan Kerajaan, industri-industri terkemuka dan pegawai-pegawai tinggi Perkhidmatan Awam; dan
- (g) Pelaksanaan Program Pusat Kecemerlangan Industri (*Industry Centre of Excellence, ICoE*) bagi meningkatkan kolaborasi antara institusi pendidikan tinggi dengan pihak industri melalui pembangunan kurikulum, latihan industri dan pendedahan industri kepada pelajar dan tenaga pengajar institusi pendidikan tinggi.